KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KENYATAAN MEDIA

REBAT RM200 PROGRAM SUSTAINABILITY ACHIEVED VIA ENERGY EFFICIENCY (SAVE) 2.0 BERMULA 2021

Putrajaya, 7 Januari 2021 - **Program *SUSTAINABILITY ACHIEVED VIA ENERGY EFFICIENCY* (SAVE) 2.0** yang diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM30 juta semasa Belanjawan 2021 akan dilaksanakan bermula bulan Januari 2021. Program SAVE 2.0 menyediakan **pemberian e-rebat RM200** kepada isi rumah yang **membeli alat penyaman udara atau peti sejuk cekap tenaga bertaraf 4 atau 5 bintang buatan tempatan atau yang dikilangkan dan mendapat persijilan SIRIM atau setara di Malaysia**.

Rebat ini terhad kepada satu akaun sahaja bagi setiap pembelian penyaman udara atau peti sejuk dalam tahun 2021 atau sehingga kuota habis, yang mana terdahulu. Hanya warganegara Malaysia yang merupakan pemilik akaun elektrik tarif domestik berdaftar dengan syarikat-syarikat utiliti (TNB, SESB, SEB dan NUR Power) layak memohon.

Pengguna boleh memohon dan mendapatkan e-rebat melalui 2 kaedah iaitu dengan membawa bil elektrik terkini dan membuat **pembelian secara fizikal di kedai-kedai elektrik/pasar raya berdaftar** di bawah Program SAVE 2.0 atau memohon e-rebat dan membuat **pembelian secara atas talian menerusi platform e-dagang** yang diiktiraf. Bagi pembelian secara atas talian, permohonan e-rebat melalui Shopee Malaysia telah pun dibuka mulai 1 Januari 2021. Manakala e-rebat melalui pembelian secara fizikal boleh dinikmati mulai pada hari ini, 7 Januari 2021.

Insentif e-rebat bagi pembelian peralatan cekap tenaga ini bertujuan menggalakkan pengguna mengamalkan amalan cekap tenaga sekaligus menyumbang kepada penjimatan penggunaan tenaga dan bil elektrik. Program ini dijangka memanfaatkan sebanyak 150,000 isi rumah di seluruh negara. Kerajaan mensasarkan penjimatan tenaga yang bersamaan dengan RM22.26 juta serta pengurangan pelepasan karbon sebanyak 39,164 tan bagi setiap tahun atau 56,430 bilangan anak pokok yang perlu ditanam selama 10 tahun untuk menyerap karbon tersebut.

Maklumat lanjut mengenai kriteria kelayakan, cara permohonan e-rebat, mekanisme pelaksanaan serta senarai jenama dan model kelengkapan elektrik cekap tenaga dibawah Program SAVE 2.0 boleh didapati dengan melayari laman sesawang rasmi di pautan www.saveenergy.gov.my. atau melayari *microsite* yang disediakan di platform e-dagang. Sebelum membuat pembelian, pengguna disaran merujuk panduan senarai kelengkapan elektrik dan harga rujukan (*Recommended Purchase Price* - RPP) melalui laman sesawang rasmi serta membuat perbandingan harga bagi mendapatkan harga terbaik dan kos efektif.

YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

7 JANUARI 2021